



**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
09 Zulhijjah 1441 / 31 Julai 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bagi Jumaat, 09 Zulhijjah 1441H bersamaan 31 Julai 2020M, setakat jam 12 tengahari.

**Ringkasan Kes**

<b>Kes Baru Hari Ini</b>	<b>Jumlah Keseluruhan Kes</b>		
<b>0</b>	<b>141</b>		
	<b>Kes Aktif</b>	<b>Kematian</b>	<b>Sembuh</b>
	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>138</b>

**Ringkasan Pengasingan Diri**

<b>Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori</b>	<b>Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)</b>
<b>436</b>	<b>3,717</b>

**Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2**

<b>Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam</b>	<b>Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)</b>
<b>461 sampel</b>	<b>40,663</b>

2. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai, terutamanya mereka yang telah mendapat kebenaran untuk membuat perjalanan ke luar negara dan yang mana negara yang dituju memerlukan mereka menjalani ujian swab bagi SARS-CoV-2 sebelum tiba ke negara tersebut, bahawa buat masa ini, ujian tersebut hanya dapat dilakukan di fasiliti-fasiliti kerajaan atau fasiliti-fasiliti lain yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan sahaja. Sebaik sahaja keputusan ujian dikeluarkan, pihak Kementerian Kesihatan akan mengeluarkan surat pengesahan keputusan ujian tersebut untuk ditunjukkan kepada pihak berkuasa di negara yang dituju. Orang ramai yang perlu membuat ujian swab untuk sebab-sebab yang tertentu adalah dinasihatkan untuk pergi ke Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha atau pusat-pusat kesihatan

tertentu yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Sementara itu, mana-mana premis yang menawarkan perkhidmatan ujian swab tanpa mempunyai kebenaran atau pengiktirafan dari Kementerian Kesihatan adalah dikira melanggar undang-undang yang mana boleh dikenakan denda kompaun sehingga \$5000 atau jika sabit kesalahan di mahkamah, boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.

3. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 09 Zulhijjah 1441H / 31 Julai 2020